

10 APR 1999

BSKL-MINGGUAN

BSKL MUNGKIN BERGERAK MENINGKAT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur bersedia untuk bergerak meningkat minggu depan setelah pasaran melewati dua paras halangan penting minggu baru berlalu yang juga mempunyai berita baik yang agak besar, kata para peniaga.

Penurunan kadar faedah selanjutnya, kehadiran lebih ketara dana asing dan kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang lebih baik membantu menerangkan awam gelap yang menyelubungi bursa dan perkembangan seumpama itu dijangka membuka jalan bagi hari-hari dagangan lebih baik akan datang, tambah mereka.

Berasaskan minggu ke minggu, Indeks Komposit 100 saham bermutu melonjak 28.03 mata kepada 568.10, Indeks Emas seluruh saham naik 4.43 mata kepada 139.77, Indeks Papan Kedua, bagaimanapun, jatuh 4.27 mata kepada 128.18 manakal Indeks Perusahaan naik 37.60 mata kepada 1,022.92.

Indeks tanda aras itu melewati paras halangan 550 mata pada pagi Isnin dan paras halangan 570 dicatatkan pada petang Jumaat.

Walaupun terdapat kesemua petunjuk yang memihak itu minggu ini, jumlah dagangan terus agak kecil kerana dana-dana asing belum lagi masuk secara besar-besaran.

Di samping faktor-faktor tempatan yang lebih baik, penurunan kadar faedah oleh Bank Pusat Eropah juga dipercayai mempunyai kesan yang positif ke atas bursa-bursa di rantau ini kerana dana-dana dijangka mengalir masuk.

Di BSKL, kenaikan minggu lalu berikutan peningkatan penarafan kredit negara oleh agensi penarafan antarabangsa Standard & Poor's menyebabkan dana-dana asing memasuki pasaran saham tempatan.

Penyertaan mereka, sungguhpun tidak besar, membantu meningkatkan sentimen di kalangan institusi-institusi dan peruncit tempatan.

"Kami mendapat tahu bahawa beberapa dana Jepun berada di pasaran dalam kenaikan minggu lalu dan minggu ini, terdapat juga dana-dana AS dan juga pesanan-pesanan berasal dari Singapura," seorang peniaga berkata.

Oleh itu, penurunan kadar Bank Negara adalah tepat pada masanya, kerana ia membawa kelegaan kepada syarikat-syarikat yang bermasalah kewangan, katana. bank pusat mengurangkan kadar campur tangan tiga bulannya sebanyak 50 mata asas kepada 6.5 peratus yang dijangka melihat pengubah suaian kadar bidaan pinjaman asas maksimum bank-bank perdagangan kepada 7.67 peratus dari 8.04 peratus dan BLR syarikat-syarikat kewangan kepada 9.02 peratus dari 9.50 peratus.

Aliran menurun dalam inflasi juga dikatakan telah mendorong penurunan itu dan Maybank malahan mengkaji semula BLR-nya menurun dua kali dalam satu minggu.

Pasaran menyambut baik penurunan kadar itu, terutamanya di dalam sektor-sektor kewangan dan perbankan, tetapi kenaikan sentiasa disekat oleh pengambilan untung.

Satu lagi faktor menggalakkan ialah seruan oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin supaya BSKL menyelesaikan isu CLOB (Central Limit Order Book) dengan cepat.

Berita-berita korporat yang termasuk Petronas semakin hampir membeli kepentingan Hicom di dalam Proton dan juga saham-saham di dalam anak-anak syarikat Hicom lain menyaksikan minat lebih baik kepada kaunter-kaunter berkaitan Hicom.

Di BSKL, jumlah dagangan papan utama meningkat kepada 713.309 juta saham bernilai RM1.477 bilion dari 437.392 juta saham bernilai RM860.101

juta.

Jumlah dagangan papan kedua, bagaimanapun, jatuh kepada 79.001 juta saham bernilai RM178.312 juta dari 84.422 juta saham bernilai RM164.763 juta.

Urusniaga langsung berkembang kepada 85.230 juta saham bernilai RM104.805 juta dari 53.707 juta saham bernilai RM99.847 juta.

Hanya satu kaunter digantung -- REPCO -- hari Khamis pada harga urusniaga terakhir RM7.10.

Renong-C1 mendahului senarai saham cergas dan ditutup kepada 40 sen, naik tiga sen. Ini diikuti oleh CAHB-W, yang menokok lima sen menjadi 72 sen, Public Bank naik satu sen kepada RM2.35 dan Commerce-Asset naik 24 sen kepada RM4.82.

Renong menokok satu sen kepada 78 sen, Maybank untung 10 sen kepada RM7.80, United Engineers kukuh 12 sen kepada RM2.14, RHB Capital meningkat 13 sen kepada RM2.79, Magnum naik lima sen kepada RM1.93 dan Hicom bertambah dua sen menjadi RM1.35.

Daripada segi jumlah dagangan, Renong-C1 menyumbang 33.588 juta saham diniagakan CAHB-W 32.962 juta, Public Bank 31.033 juta, Commerce-Asset 24.846 juta, Renong 18.090 juta, Maybank 16.518 juta, United Engineers 16.317 juta, RHB Capital 16.312 juta, Magnum 16.007 juta dan Hicom 15.218 juta saham.

Berasaskan sektor, barangna pengguna menyumbang 25.923 juta saham diniagakan, baragnan industgri 81.264 juta, pembinaan 60.274 juta, dagangan/perkhidmatan 156.623 juta, infrastruktur 5.440 juta, kewangan 162.704 juta, hotel 1.494 juta, harta 55.007 juta, perladangan 23.452 juta, perlombongan 1.743 juta, amanah 352,000, dana tertutup 340,000 dan pinjaman 54.766 juta, TSR Warrant 83.921 juta.-- BERNAMA

SHO SHY OS